

12/04/2000

Pendidikan Internet kepada kanak-kanak

Web Sutera

DALAM usaha negara menuju Wawasan 2020, penggunaan Internet akan menjadi petunjuk awal kepada apa yang dimaksudkan dengan negara membangun.

Namun begitu, capaian Internet belum lagi sampai ke seluruh masyarakat Malaysia dan hanya sebilangan minoriti individu serta organisasi yang mendapat kebaikan daripada penggunaan Internet.

Tetapi potensi penggunaan Internet semakin difahami oleh orang ramai. Kita harus mengakui bahawa apabila Internet digunakan berdasarkan kelebihan yang ada padanya, kita akan memperolehi maklumat yang melimpah.

Dalam masa yang sama, apabila kelebihan Internet disalahgunakan, maka patut digariskan sempadan.

Oleh sebab itu harus pastikan pengguna dewasa dan kanak-kanak memahami sempadan yang tidak patut dilepasi dalam mencapai maklumat dalam Internet. Kebebasan Internet patut dikekalkan walau setinggi manapun tahap penerimaan rakyat terhadap teknologi ini.

Pihak kerajaan terus meneruskan komitmen bagi mengamalkan kebebasan capaian Internet kepada rakyat Malaysia.

Tanpa mengira fahaman agama, kepercayaan dan pegangan pandangan individu atau kumpulan, Internet tidak harus disekat daripada berkembang. Biarkan majoriti rakyat belajar dan menerima maklumat yang dimahukan. Masyarakat itu sendiri yang boleh menghakimkan maklumat yang benar dan salah.

Gagasan Koridor Raya Multimedia (MSC) memerlukan dasar yang terbuka terhadap Internet.

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengatakan bahawa pihak kerajaan Malaysia tidak akan menyekat langsung pengaliran maklumat melalui Internet.

Itu adalah langkah dan pendekatan yang amat tepat dalam memastikan bahawa rakyat dapat menerima maklumat dan seterusnya menggunakan maklumat tersebut dalam menangani kehidupan seharian.

Melalui pemahaman terhadap teknologi Internet dan kelebihan yang dibawanya, unsur-unsur tidak baik dapat kita tangkis melalui penggunaan Internet juga. Sekiranya rakyat Malaysia tidak faham bagaimana mengelolakan Internet, maka kita tidak dapat melawan budaya tidak sihat yang dilemparkan.

Akhirnya masyarakat akan boleh memutuskan sendiri apakah yang terbaik untuk mereka.

Dari masa ke semasa kanak-kanak semakin terdedah kepada segala kemungkinan yang dibawa oleh teknologi ini. Menidakkan hak mereka dalam mencapai maklumat yang melimpah menerusi Internet adalah satu tindakan yang tidak tepat.

Pendidikan merupakan penyelesaian terbaik dalam usaha memperkenalkan teknologi ini kepada mereka. Ianya turut merangkumi apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak harus dibuat dalam menggunakan Internet.

Sementara itu, apakah medium penyebaran maklumat di era maklumat yang bakal menjelma, kalau bukan Internet?

Justeru itu, sekolah dan ibu bapa harus boleh menunjukkan kepada kanak-kanak apakah kebaikan Internet dan bagaimana teknologi ini dapat meningkatkan nilai pengetahuan yang mereka ada.

Dalam masa yang sama, beri kesedaran kepada mereka terhadap elemen negatif yang wujud dalam Internet. Pendekatan di sini bukan saja terhadap larangan, malah pendekatan kawalan mesti turut diambil perhatian.

Kanak-kanak mesti dilengkapkan dengan maklumat dan kebolehan analitik

supaya mereka dapat menilai sendiri maklumat yang diperolehi dari Internet dan juga menghargai nilai maklumat yang berguna.

Kanak-kanak mesti diberi kesedaran mengapa mereka tidak boleh melawat laman yang tidak bermoral. Kawalan ibu bapa mungkin tidak sepenuhnya lantaran kesibukan kerja serta aktiviti kehidupan yang lain. Justeru, peranan guru menjadi kritikal bagi memastikan Internet digunakan secara berhemah.

Walau bagaimanapun, laman pornografi bukanlah laman terbanyak dalam Internet. Peratusan bahan porno dalam Internet adalah sangat kecil, hanya sekitar lima peratus saja.

Sekiranya ibu bapa merasa bimbang dengan kemungkinan anak-anak mereka pergi ke laman demikian, terdapat banyak perisian penapis seperti Cyber Patrol, Surf Watch, Net Nanny, BlockNow dan banyak lagi yang boleh menjadi halangan fizikal kepada capaian ke tempat tersebut.

Pihak kerajaan melalui penyedia perkhidmatan Internet seperti Mimos Berhad memang mengambil langkah menyekat bahan negatif dari dicapai oleh rakyat Malaysia.

Tetapi ia perkara mustahil untuk menghalang semua bahan sedemikian. Oleh itu pendidikan kepada kanak-kanak harus ditingkatkan, berserta dengan penggunaan perisian penapis yang ada.

Dalam memenuhi sebuah masyarakat bermaklumat, buta komputer dan maklumat mesti dielakkan.

Oleh yang demikian Internet mesti ditekankan kepada suatu alat yang akan mendedahkan kanak-kanak kepada teknologi maklumat, bukan saja kemahiran teknikal dalam menggunakan Internet tetapi juga terhadap jumlah maklumat yang amat banyak di dalamnya.

Semua kanak-kanak atau orang dewasa dapat meneroka dunia siber baru ini dan membuka horizon yang merentasi sempadan fizikal.

Internet adalah suatu alat penyelidikan yang amat berguna. Kanak-kanak boleh menemui banyak maklumat berkenaan negara, tentang sistem pendidikan, budaya, pertanian, teknologi dan pelbagai lagi.

Alasan mengapa kanak-kanak susah mendapatkan maklumat ialah mereka terpaksa menghabiskan banyak masa di perpustakaan dalam usaha mendapatkannya. Generasi muda kita merasa perit menyelongkar buku-buku rujukan dan longgokan surat khabar serta majalah lama. Lama kelamaan mereka akan merasa bosan.

Dengan bantuan Internet, mereka boleh mendapatkan secara mudah bahan-bahan pembelajaran yang dikehendaki. Jika mereka tidak mahir mencari sendiri maklumat dalam Internet di rumah, maka perpustakaan yang ada di negara kita dianjurkan menyediakan capaian Internet kepada pengunjung mereka.

Perkhidmatan pencarian bahan rujukan menerusi Internet di perpustakaan harus ditemani oleh pustakawan.

Tunjuk dan ajarkan kepada pelajar bagaimana mencari maklumat yang betul.

Kanak-kanak mudah menerima perkara yang baru, lebih-lebih lagi jika ia menyeronokkan.

Capaian kepada Internet bukan saja membabitkan peluncuran web, tetapi banyak elemen lain seperti mel elektronik (e-mel), carian fail Archie, aplikasi FTP dan Telnet, kumpulan perbincangan dan perbualan.

Internet membenarkan komunikasi di antara kanak-kanak di seluruh dunia. Melalui proses komunikasi sebegini, kanak-kanak di Malaysia dapat mempelajari budaya, sistem kehidupan serta nilai sesebuah masyarakat di negara lain.

Penggunaan e-mel dan perbualan menerusi Internet akan mendedahkan mereka kepada pelbagai sosiobudaya masyarakat dunia. Mereka boleh bertukar-tukar maklumat budaya, sejarah dan geografi di antara rakan-rakan siber mereka.

Pertukaran maklumat di antara kanak-kanak boleh membantu proses

pengembangan mental dan psikologi mereka sepanjang proses tumbesaran ke arah meningkat dewasa. Internet juga boleh menjadi sumber analisis yang lebih mendalam ke atas subjek yang menjadi minat seseorang pelajar.

Perpustakaan sedunia terbentang di depan mata mereka yang memudahkan pengkajian terhadap sesuatu subjek dalam proses pembelajaran.

Kanak-kanak boleh didedahkan kepada Internet di bawah penyeliaan ibu bapa walau seketat mana pun. Bermula dengan penggunaan e-mel di kalangan rakan sekolah dan rakan siber baru dalam memenuhi naluri persahabatan dan membina pengalaman.

Semakin matang pemikiran mereka, kanak-kanak dibenarkan melanggan dan menyumbang buah fikiran kepada kumpulan perbincangan bagi berkongsi berita serta pengalaman. Dalam masa yang sama, perbincangan itu dapat juga menjadi medan pertukaran nota serta perbincangan subjek pendidikan.

Seterusnya kanak-kanak harus diajar kelebihan World Wide Web (WWW). Bagaimana maklumat disalurkan menerusi WWW dan bagaimana menggunakan enjin pencari bagi mencari maklumat yang dikehendaki. Ajarkan kepada mereka supaya tidak cuba meluncuri laman yang tidak bermoral.

Namun begitu, harus diingat akan datang tiba masanya kanak-kanak tadi yang semakin meningkat dewasa akan cukup pandai menggunakan Internet.

Mereka dapat mencari semua jenis maklumat dan kandungan tanpa penyeliaan orang yang lebih dewasa. Tahap ini yang menjadi pendinding diri ialah keimanan dan nilai sahsiah individu itu sendiri.

Tidak ada apa benteng yang dapat membatasi peluncuran WWW melainkan daripada dalam diri individu terbabit.

Garis dasar isu ini ialah sama ada kita terdiri daripada golongan kanak-kanak atau orang dewasa, kita semua akan melihat dan membaca apa yang kita pilih.

Tiada apa yang menghalang kita daripada membaca, melihat dan belajar berkenaan apa yang wujud dalam dunia ini.

Pada pendapat penulis, Malaysia boleh mengurangkan masalah sosial seperti lepak, bohsia, disko dan berpeleseran melalui langkah promosi menggalakkan penggunaan Internet di kalangan remaja.

Walaupun ia bukanlah penyelesaian menyeluruh kepada masalah sosial dewasa ini, namun sedikit sebanyak remaja kita akan berada di rumah meluncuri Internet bersama kawan-kawan. Paling kurang pun remaja tadi berada di rumah, bukannya di luar rumah.

Akhirnya kejayaan anak-anak dan masyarakat kita tidak akan bergantung kepada berapa banyak kita mendalami teknologi, tetapi bagaimana kita mengawal teknologi untuk ekonomi, daya intelektual, sosial budaya dan moral dalam membentuk sebuah masyarakat Madani menjelang tahun 2020.

(END)